

27 JUL 2003

Mahathir-Model/I

MAHATHIR: HUBUNGAN M'SIA-THAI MERUPAKAN MODEL K/SAMA TERBAIK

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia dan Thailand menawarkan model terbaik kepada dunia mengenai bagaimana kedua-dua negara yang berkongsi sempadan yang sama, dapat hidup bersama dan bekerja antara satu sama lain.

Ketika berucap pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra malam ini, Perdana Menteri berkata kedua-dua negara telah menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang dalam semangat kerjasama.

Perdana Menteri Thailand itu kini dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Langkawi. Beliau telah mengadakan perbincangan dua hala yang bermakna dengan Dr Mahathir petang tadi. Kedua-dua pemimpin juga menyampaikan ucap-tama pada Dialog Perkongsian Perniagaan dan Teknologi Malaysia-Thailand pagi tadi.

Dr Mahathir menyifatkan dialog itu sebagai satu lagi babak dalam hubungan dua hala kedua-dua negara yang memulakan tahap baru kerjasama teknologi untuk dieksploitasi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara.

"Ia (dialog) merupakan satu lagi contoh semangat kerjasama yang akan terus menyumbang kepada pembesaran dan kesepaduan kerjasama antara Malaysia dan Thailand," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha bersama kedua-dua negara dalam sektor tenaga dan komoditi, sebagai contoh, sudah membuahkan hasil.

"Saya sangat gembira kerana kita terus mencari kaedah baru untuk mengembangkan kerjasama dalam bidang lain seperti pengangkutan, kesihatan, pendidikan dan budaya, kesemuanya telah dibincangkan di Haadyai (tahun lepas semasa mesyuarat tidak rasmi Kabinet Thailand dan Malaysia)," katanya.

Dr Mahathir berkata kedua-dua negara juga gembira dengan pelbagai kerjasama dua hala yang terjalin antara agensi kedua-dua negara di sempadan bersama yang bertujuan meningkatkan kebajikan sosio ekonomi penduduk di kawasan sempadan.

"Petang ini kami mengadakan perbincangan yang bermakna mengenai pelbagai isu yang menjejaskan kedua-dua negara. Kami berpuas hati dengan hubungan kami yang sangat baik serta kemajuan memuaskan dalam perdagangan, pelaburan dan pelancongan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira dengan sokongan Thaksin untuk menyelesaikan isu-isu yang telah dikenal pasti selain membincangkan isu-isu tertangguh antara kedua-dua negara.

"Dalam hubungan ini, saya bersetuju dengan anda apabila anda berkata di Bangkok tahun lepas bahawa Malaysia dan Thailand menawarkan model terbaik kepada dunia mengenai bagaimana kedua-dua negara yang berkongsi sempadan bersama patut hidup dan bekerjasama antara satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai perlunya untuk mengumpul sumber antara negara-negara di rantau ini supaya mereka bersedia menangani ancaman aktiviti penganas.

Beliau berharap Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Menangani Keganasan yang ditubuhkan di Malaysia akan mendapat sokongan berterusan daripada Thailand dan negara jiran lain serta masyarakat antarabangsa dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dr Mahathir juga berkata kerjasama antara kedua-dua negara juga telah membantu mengatasi wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang menjejaskan ekonomi di rantau ini, khususnya sektor pelancongan dan

pengangkutan.

Beliau berterima kasih terhadap sumbangan Thailand dalam menangani SARS menerusi penganjuran Mesyuarat Pemimpin Asean dan serta Asean Campur China serta Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Kerjasama Asia Pasifik (Apec) di Bangkok baru-baru ini.

-- BERNAMA

ZS MAN LAT